

**DUN Pulau Pinang Lancar Majalah Dewan  
Bernama  
09 Mei, 2012**

GEORGE TOWN, 9 Mei (Bernama) -- Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Datuk Abdul Halim Hussain pada Rabu melancarkan majalah Dewan yang mengandungi pelbagai aktiviti dewan serta sejarah dan latar belakang DUN itu.

Majalah itu merupakan edisi pertama dan juga khas yang memaparkan aktiviti dan perjalanan DUN Pulau Pinang sepanjang lima penggal pentadbiran kerajaan negeri.

"Kita bercadang untuk menerbitkan majalah Dewan dua kali setahun atau setiap sesi persidangan yang berakhir. Ini merupakan edisi pertama dan kami sedang menyiapkan bahan-bahan untuk edisi kedua," katanya kepada pemberita ketika melancarkan majalah itu di lobi DUN di sini.

Selain memaparkan aktiviti Dewan, majalah itu turut menyenaraikan usul-usul yang telah diluluskan oleh persidangan DUN yang lepas.

Beliau berkata objektif penerbitan majalah Dewan ini adalah untuk memberi dan menyebarkan maklumat dan aktiviti dewan kepada orang ramai serta meningkatkan kefahaman rakyat Pulau Pinang tentang peranan DUN.

Sebanyak 400 naskah majalah Dewan diterbitkan untuk diedar kepada agensi kerajaan, pelawat ke dewan dan perpustakaan DUN.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664783>